



SOAL JAWAB AGAMA (PUASA RAMADAN)

OLEH:
USTZH. NOOR FAZELAH SALIMIN
PEN. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



1. Bolehkah seseorang itu berniat puasa selama sebulan kerana takut terlupa?

Pada hari pertama, boleh berniat puasa sebulan, boleh juga berniat setiap malam untuk menguatkan azam, untuk menempuh cabaran berpuasa.

2. Adakah boleh tidak bersahur disebabkan malas untuk bangun bersahur?

Yang membezakan puasa kita dengan puasa bangsa Yahudi ialah makan sahur. Seeloknya bangun sejam sebelum masuk waktu imsak. Lagi lewat kita bersahur lebih berkat.

3. Benarkah berdosa wanita yang tidak berpuasa kerana haid, makan di waktu siang kerana tidak menghormati bulan Ramadan?

Tidak berdosa dan boleh makan pada waktu siang selagi wanita tersebut tidak makan dikhalayak ramai.

4. Apakah hukumnya seorang suami bersetubuh dengan isterinya pada siang hari dalam bulan Ramadan dan apakah hukumnya?

Hukum bersetubuh di siang hari pada bulan Ramadan adalah haram dan di kenakan kaffarah (Kaffarah hanya dikenakan kepada lelaki sahaja) seperti berikut:-

- Memerdekakan seorang hamba (sudah tiada)
- Berpuasa 2 bulan berturut-turut jika sudah dicuba beberapa kali namun jika tidak mampu disegi syarak hendaklah:-
- Memberi makan kepada 60 orang miskin, setiap seorang satu cupak makan asasi.
- Wajib qada puasa yang terbatal kerana bersetubuh tersebut.

5. Bolehkah seorang wanita mengandung dan menyusukan anaknya tidak berpuasa kerana tidak berupaya?

Menurut pendapat ulama mazhab Syafei bahawa wanita hamil dan menyusui apabila kluatir mengalami bahaya maka mereka wajib berbuka, tidak payah berpuasa. Dalam keadaan ini mereka hendaklah mengqada puasanya kelak.

Rujukan: Fiqhu sunnah: Sayyid Sabiq vol bab siyyam,



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dr. Muhamad Suhaimi T.
Pengarah,
Pusat Islam UMS.

EDITOR

♦ Ustzh Noor Fazelah S.

SIDANG PENGARANG

♦ Ustzh Noorisah T.
♦ Ustzh Noor Fazelah S.

TAJUK - M/S

INFO PIUMS - M/S 1

UCAPAN KHAS PENGARAH
PIUMS - M/S 2

SOAL JAWAB AGAMA - M/
S3

TAKWIM SOLAT & BER-
BUKA PUASA PIUMS - M/S
4

RISALAH RAMADAN
PUSAT ISLAM UMS BIL.2/2016

24HB JUN 2016M BERSAMAAN 19 RAMADAN 1437H

al-Baqarah (Ayat 185)

"Bulan Ramadan, bulan yang
di dalamnya diturunkan
(permulaan) Al-Quran sebagai
petunjuk bagi manusia
dan penjelasan mengenai
petunjuk itu serta pembeza
(antara yang haq dan yang batil)"



Salam
Nuzul Quran

PENGUMUMAN

Pihak PIUMS mengalu-alukan sumbangan artikel ilmiah daripada Tuan/Puan bagi memantapkan lagi terbitan berkala Risalah PIUMS ini. Sebarang cadangan/komentar berkaitan risalah ini boleh berhubung dengan kami ditalian: No.Tel: 088-320 000, sambg: 2740 atau

PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU SABAH. NO. PEJ: 088-320 000 SAMBUNGAN 2735.2743.2740.2742.2731.2747.2730. NO.FAKS: 088-320 736



KEUTAMAAN MEMBACA AL-QURAN DALAM BULAN RAMADAN

OLEH:
USTAZAH NOORISAH TALJID
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Maha Suci Allah yang menurunkan al-Quran pada malam yang dinamakan Lailatul Qadar pada bulan Ramadan yang terhimpun padanya seribu rahmat dan kebaikan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

"Bulan Ramadan adalah bulan yang di dalamnya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah".

Membaca al-Quran menjadi keutamaan dalam amalan seharian di bulan Ramadan selain daripada puasa yang disyariatkan, solat sunat, amalan bersedekah dan sebagainya. Pelbagai fadilat atau kelebihan yang akan diperolehi dengan membaca al-Quran. Antaranya, mendapat pahala berlipat kali ganda; Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah SWT, maka ia akan mendapatkan satu kebaikan dengan huruf itu, dan satu kebaikan akan dilipatgandakan menjadi sepuluh. Aku tidaklah mengatakan Alif Laam Miim itu satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf." (HR. Tirmidzi)

Apabila tiba sahaja bulan Ramadan, ramai yang berlumba-lumba bertadarus untuk mengkhataamkan al-Quran dengan pelbagai cara dan bentuk bacaan. Ada yang membacanya secara individu dan juga berkumpulan. Namun, ramai juga yang beralasan untuk tidak membacanya disebabkan bacaan tidak lancar, tidak mengetahui hukum tajwid, masalah pernafasan, semput dan sebagainya yang kadang-kadang diistilahkan sebagai '*bacaan merangkak-rangkak*'. Marilah kita bermuhasabah untuk menjadikan amalan membaca al-Quran sebagai rutin dalam amalan kehidupan kita seharian. Apabila al-Quran jarang-jarang, kadang-kadang atau sedikit-sedikit dibaca akan menyebabkan lidah menjadi keras dan susah untuk menguasai bacaan yang baik. Kesukaran tersebut akan menyebabkan hilang tumpuan, rasa kurang yakin dan lemah semangat dalam meneruskan perjuangan membacanya sehingga khatam. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Orang yang membaca al-Quran dan susah untuk menyebut ayatnya dia akan mendapat dua pahala". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pertama, pahala kerana membaca al-Quran dan yang ke-dua, pahala kesusahan menyebut ayat yang sukar dalam al-Quran tersebut. Justeru manfaatkanlah kesempatan yang ada di bulan yang mulia ini untuk kembali melancarkan tahap bacaan dan mempelajari al-Quran dengan tartil. Adakah khatam al-Quran itu suatu kemestian di bulan Ramadan? Islam tidaklah menjadikan suatu kewajipan bagi kita untuk khatam al-Quran di bulan Ramadan. Namun kerana keberkatan bulan Ramadan menjadi pendorong dan motivasi kepada para pembaca al-Quran untuk meraih pahala berganda. Apa yang lebih utama adalah manfaat dan fadhilat daripada al-Quran itu sendiri.

Kaedah ataupun cara untuk menghabiskan bacaan al-Quran boleh dibuat dengan menetapkan sasaran tertentu. Lazimnya, cetakan kitab al-Quran '*Rasm Uthmani*' mengandungi lebih kurang 20 (Dua Puluh) muka surat untuk satu juzuk. Jika dikalikan 20 (Dua Puluh) muka surat tersebut dengan 30 (Tiga Puluh) juzuk al-Quran maka kita akan dapati lebih kurang 600 (Enam Ratus) muka surat keseluruhannya. 600 (Enam Ratus) muka surat tersebut dibahagikan pula dengan 30 (Tiga Puluh) hari. Hasilnya, kita perlu menghabiskan 20 muka surat al-Quran dalam sehari. Dalam sehari pula, 20 (Dua Puluh) muka surat tersebut dibahagikan lagi kepada 5 (Lima) waktu solat iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib Dan Isyak. Berdasarkan pembahagian tersebut setiap waktu solat adalah lebih kurang dalam 4 (Empat) muka surat sahaja yang perlu dihabiskan. Wanita yang mengalami '*Sindrom ABC*' (*Allah Bagi Cuti*) atau uzur syarie (*Haid*) pula perlu membaca 5-6 (Lima-Enam) muka surat setiap kali waktu solat atau 25-30 (Dua Puluh Lima atau Tiga Puluh) muka surat sehari untuk mengkhataamkan al-Quran dengan menggunakan kaedah tersebut.

Marilah kita bersama-sama menghidupkan amalan kebaikan di hari-hari Ramadan yang masih berbaki dengan amalan membaca al-Quran. Janganlah kita jadikan al-Quran sebagai hiasan semata-mata, dibaca hanya pada bulan Ramadan atau apabila berlakunya kematian. Niatkan agar amalan tadarus dan *tadabbur* al-Quran sepanjang bulan Ramadan ini akan dapat diteruskan sebagai amalan di bulan yang mendatang. Jadikan Ramadan bulan tarbiah dan madrasah mendidik iman. Semoga amalan kita diterima Allah SWT dan al-Quran yang dibaca akan menjadi syaafaat kepada kita di akhirat kelak sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Bacalah al-Quran, ia akan datang pada hari kiamat untuk memberikan syafa'at kepada orang yang membacanya." (HR. Muslim)

Glosari:

Khatam: Tamat atau selesai mengaji al-Quran

Madrasah: Tempat belajar terutamanya tentang hal-hal (yang berkaitan) agama Islam; Sekolah

Sindrom: Kumpulan gejala atau tanda-tanda yang menunjukkan sesuatu penyakit atau keadaan tertentu

Tadabur (Istilah dalam Bahasa Arab) : Berfikir, mengamati dan memahami ayat-ayat al-Quran

Tartil: Tertib dan mengikut hukum tajwid dalam al-Quran



TIPS KHATAM AL-QURAN DI BULAN RAMADAN

JUMLAH KHATAM	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1 KALI	4 MUKA SURAT	4 MUKA SURAT	4 MUKA SURAT	4 MUKA SURAT	4 MUKA SURAT
2 KALI	8 MUKA SURAT	8 MUKA SURAT	8 MUKA SURAT	8 MUKA SURAT	8 MUKA SURAT
3 KALI	12 MUKA SURAT	12 MUKA SURAT	12 MUKA SURAT	12 MUKA SURAT	12 MUKA SURAT